

Memorial Tun Hussein Onn tambah khazanah negara

UM-9/2/2006.

KUALA LUMPUR 8 Feb. - Biru tua adalah warna kegemaran Tun Hussein Onn, Perdana Menteri yang ketiga.

Untuk itu, Arkib Negara yang diberikan tanggungjawab oleh kerajaan untuk menubuh dan menguruskan Memorial Tun Hussein Onn telah sedaya upaya mewujudkan suasana kebiru-biruan dalam hiasan dalamannya.

Ketua Pengarah Arkib Negara, Datuk Rahani Jamil memberitahu *Bernama*, pihaknya dalam kerja-kerja membaik pulih dan mengubahsuai ruang dalaman memorial itu yang terletak di Blok A, bangunan bekas Kompleks Jabatan Perdana Menteri di Jalan Dato Onn di sini, telah berusaha menzahirkan warna kegemaran Hussein itu.

Hussein, anak sulung pengasas UMNO, Datuk Onn Jafaar, dilantik sebagai Perdana Menteri pada 15 Januari 1976 berikutan kematian mengejut Perdana Menteri kedua, Tun Abdul Razak Hussein

di London kerana penyakit leukemia.

Pada 16 Julai 1981, beliau meletakkan jawatan sebagai Perdana Menteri berikutan masalah kesihatan dan meninggal dunia pada 29 Mei 1990 di Seaton Medical Centre San Francisco, Amerika Syarikat semasa menjalani rawatan jantung.

Rahani berkata, cadangan untuk mewujudkan memorial itu dipersetujui oleh Tun Dr. Mahathir Mohamad pada 22 Disember 1998.

Memorial itu dijadual dirasmikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi Jumaat ini.

Bahan yang akan dipamerkan dikumpul oleh Arkib Negara daripada keluarga terdekat, sahabat handai dan individu yang rapat dengan Hussein.

"Aras pertama ditumpukan kepada penglibatan awal Tun Hussein Onn selaku menteri, Timbalan Perdana Menteri dan akhirnya sebagai ketua kerajaan," katanya.

Hussein, yang pernah bertugas sebagai

Komandan Depoh Polis di Johor Bahru, penolong pegawai daerah Klang dan peguam, dilantik sebagai Menteri Pendidikan pada 1970 dan Timbalan Perdana Menteri pada 1973 berikutan kematian Tun Dr. Ismail Abdul Rahman kerana sakit jantung.

Rahani berkata, memorial itu juga akan mempamerkan pejabat Hussein seperti asalnya semasa memegang jawatan Perdana Menteri dengan para pengunjung berpeluang merasai suasana kerja pada zaman itu.

Aras kedua pula akan mempamerkan biografi Hussein, termasuk salasilah keluarganya yang memperlihatkan darah nasionalisme mengalir dalam keluarga itu bermula dari zaman datuknya, Datuk Jaafar Muhammad sebagai Menteri Besar Johor pertama hingga ke zaman bapanya Datuk Onn Jafaar, tokoh yang cukup terkenal dalam persada politik tanah air, katanya.

Beliau berkata, pengunjung juga akan dapat melihat riwayat hidup Hussein sejak zaman kanak-kanak, dari alam persekolahan hinggalah kepada kerjaya guamannya sebelum beliau bergiat dalam arena politik.

Di aras yang sama, Arkib Negara turut mempamerkan peranan isteri Hussein, Tun Suhailah Tan Sri Mohamed Noah dan sumbangannya pada zaman itu.

Rahani berkata, Memorial Tun Hussein Onn ini merupakan sebahagian daripada warisan sejarah dan menjadi pelengkap koleksi khazanah negara yang mengabadikan jasa dan khidmat bakti yang ditaburkan Hussein yang disanjung sebagai 'Bapa Perpaduan'.

Kompleks pejabat Perdana Menteri itu digunakan oleh empat Perdana Menteri Malaysia daripada Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj hingga kepada Dr. Mahathir sebelum pusat pentadbiran kerajaan persekutuan berpindah ke Putrajaya.

- Bernama